

BAB 5 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

BAHAGIAN A : ISI TEMPAT KOSONG

SISTEM AHLI

a. Latar belakang Sistem Ahli

- 1 Sistem Ahli ialah sistem yang melatih **penduduk tempatan** dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu.
- 2 Idea ini dicetuskan oleh **Dato' Onn Jaafar** hasil perbincangan dengan Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur.
- 3 Sir Henry Gurney mencadangkan pelaksanaannya berdasarkan model Negara **Kenya** dan **Rhodesia**.
- 4 Cadangan ini selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar **dekolonisasi**.
- 5 Sistem Ahli akan dapat mengurangkan tekanan **Parti Komunis Malaya**.
- 6 Sistem Ahli dibincang dan dipersetujui dalam **Majlis Raja-raja Melayu**
- 7 Rundingan antara British dan wakil penduduk telah diadakan di **King's House**.
- 8 Wakil Umno dan orang Melayu ialah **Dato' Onn Ja'afar, Dato' Hamzah Abdullah, Raja Uda** dan **Dato Nik Ahmad Kamil**.
- 9 Wakil Kaum India ialah **Dato' E.E.C. Thuraisingam**.
- 10 Wakil kaum Cina ialah **Encik Yong Shook Lin** dan **Dr. Lee Tiang Keng**.

b. Ciri-ciri Sistem Ahli

- 1 Satu sistem **kabinet bayangan** yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk.
- 2 Anggotanya dikenali sebagai **Ahli**.
- 3 Pelantikan Ahli dibuat oleh **Pesuruhjaya Tinggi British** dengan persetujuan **Majlis Raja-raja Melayu**.
- 4 Ahlinya terdiri daripada **sembilan** orang anggota iaitu **lima** orang penduduk Tanah Melayu dan **empat** orang Pegawai Inggeris.
- 5 Wakil penduduk Tanah Melayu terdiri daripada **tiga** orang Melayu, seorang Cina dan seorang India.
- 6 Ahlinya diletak di bawah kuasa **Pesuruhjaya Tinggi British**.

c. Proses Pelaksanaan Sistem Ahli

- 1 Ahli-ahli diberi tugas menjaga satu **portfolio** yang mengandungi beberapa buah jabatan kerajaan.
- 2 Pentadbiran harian jabatan diurus mengikut **dasar** yang sedia ada.
- 3 Ahli-ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatan untuk dibentangkan dalam **Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)**.
- 4 Ahli akan berbincang dengan **pegawai-pegawai kanan British** untuk mendapatkan persetujuan bersama.
- 5 **Pesuruhjaya Tinggi** juga memberikan arahan dan persetujuan.
- 6 Cadangan **undang-undang** itu merupakan pendirian pentadbiran British.

d. Keanggotaan Sistem Ahli

Bil	Nama Ahli	Portfolio
1	Dato' Onn Ja'afar	Ahli dalam Negeri
2	Tunku Yaakob ibni Sultan Abdul Hamid	Ahli Pertanian dan Perhutanan
3	Dato' Mahmud Mat	Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan
4	Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
5	Dato' E.E.C. Thuraisingam	Ahli Pelajaran
6	J.D. Hodgkinson	Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial
7	J.D. Mead	Ahli Perumahan dan Kerja Raya
8	O.A. Spencer	Ahli Ekonomi

e. Kepentingan Sistem Ahli

- 1 Merupakan **tapak asas** yang penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.
- 2 Memulakan proses **perpaduan kaum** di Persekutuan Tanah Melayu.
- 3 Asas penting untuk menentukan **kemerdekaan** yang bakal dicapai mendapat sokongan penduduk Tanah Melayu.
- 4 Memberi pendedahan kepada penduduk untuk **mentadbir** dan **menerajui** kerajaan.

PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

a. Suruhanjaya Reid

- 1 Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada bulan **Mac 1956**.
- 2 Diketuai oleh **Lord Reid** yang bertindak sebagai pengerusi.
- 3 Ahli yang lain ialah **Sir Ivor Jennings, Sir Willian Mckell, Tuan B Malik dan Tuan Abdul Hamid**.
- 4 Tujuannya **membincang** perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
- 5 **Menyusun** Perlembagaan Persekutuan.
- 6 **Merangka** sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah melayu yang akan merdeka.
- 7 Beberapa isu yang menjadi panduan ialah :
 - **Kerajaan persekutuan** yang kuat
 - Pemberian **kuasa autonomi** kepada negeri dalam bidang tertentu
 - Kedudukan **Raja-Raja Melayu**
 - **Hak istimewa** orang Melayu
 - Pewujudan satu **bangsa** Persekutuan Tanah Melayu
- 8 Menerima 131 **memorandum** daripada pelbagai pihak dan antaranya termasuklah daripada **Raja-raja Melayu**, orang perseorangan dan pertubuhan politik.
- 9 Sebagai kerajaan , cadangan **Parti Perikatan** diberi perhatian utama.
- 10 Cadangan Suruhanjaya Reid diterbitkan pada **Februari 1957 dan** diterima oleh **Parlimen British Mei 1957**.
- 11 Hasilnya, **Perlembagaan Kemerdekaan 1957** diwujudkan.

b. Kerakyatan *jus soli*

- 1 Tuntutan **orang dagang** dan tidak diterima oleh **orang Melayu**.
- 2 Prinsip kerakyatan yang memberikan hak **sama rata** kepada semua kaum.
- 3 Boleh melemahkan **orang Melayu**.
- 4 **Raja-Raja Melayu** telah menerima kerakyatan *jus soli* dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
- 5 **Pakatan Murni** antara kaum telah terbina di Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
- 6 **Agama Islam** sebagai agama rasmi PTM.
- 7 **Bahasa Melayu** sebagai bahasa kebangsaan.

c. Isi-isi penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- 1 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh **Raja-raja Melayu** dan **British** pada 15 Ogos 1957.
- 2 Antara isi perjanjian tersebut ialah:
 - Pembentukan sebuah Kerajaan **Persekutuan**.
 - Pemisahan antara kuasa **persekutuan** dengan kuasa **negeri**.
 - Pemisahan melalui Senarai **Persekutuan** dan Senarai **Negeri**.
 - Institusi Raja dijadikan **Raja Berpelembagaan** pada peringkat negeri dan Negara.
 - Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara **kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi**. Prinsip *jus soli* diterima.
 - Kedudukan **istimewa** orang melayu dikekalkan.
 - **Agama Islam** sebagai agama rasmi Persekutuan.
 - **Tanah Simpanan Melayu** dikekalkan.
 - **Bahasa Melayu** sebagai bahasa kebangsaan.
 - **Yang di-Pertuan Agong** menjadi ketua negara.
 - Demokrasi **berparlimen** sebagai pentadbiran Negara.
 - Dewan rakyat dan Dewan Negara diletak di bawah kuasa **Parlimen**.
 - Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran peringkat negeri dan dibantu Dewan Undangan Negeri dan **EXCO** .

d. Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- 1 Pakatan **murni** dicapai.
- 2 Wujud kerajaan **demokrasi** berkonsep Raja Berpelembagaan.
- 3 Pemimpin Melayu dan bukan Melayu **menyokong** pakatan ini.
- 4 Wujud **perpaduan** jitu antara kaum di PTM.
- 5 Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa **pertumpahan darah**.
- 6 Memberi **hak mutlak** kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara yang merdeka mengikut acuan sendiri.
- 7 Setiap kaum berusaha untuk melahirkan **identiti** masyarakat yang merdeka .
- 8 Perbezaan warna **kulit, agama, bahasa dan bangsa** diketepikan.

PERANAN TOKOH-TOKOH KEMERDEKAAN

a. Usaha pemimpin negara dalam mencapai kemerdekaan

- 1 **Bijaksana** dalam menuntut kemerdekaan
- 2 **Kemerdekaan** tanpa pertumpahan darah
- 3 Sikap **bekerjasama**
- 4 Sentiasa mengutamakan **perundingan**
- 5 Kata sepakat telah menjadi pendekatan terbaik masyarakat berbilang **kaum**

b. Tokoh Kemerdekaan

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

- 1 Presiden **UMNO**
- 2 Ketua parti **Perikatan**
- 3 **Perdana Menteri** pertama
- 4 Bijak mengendalikan **pakatan murni** antara kaum
- 5 Mencapai **kemerdekaan** dengan penuh harmoni dan gemilang

Tun Abdul Razak

- 1 **Timbalan Presiden** UMNO
- 2 Timbalan **Perdana Menteri** pertama
- 3 **Perunding** dalam tuntutan kemerdekaan di London tahun 1956
- 4 Perunding untuk menyiapkan **Perlembagaan** Kemerdekaan 1957
- 5 Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956
- 6 Menggubal **sistem pendidikan Kebangsaan negara** / Penyata Razak 1957
- 7 Menjadi Perdana Menteri Malaysia **kedua** 1970

Tun H.S. Lee

- 1 Tokoh **MCA**
- 2 Memulakan **kerjasama** antara kaum sehingga mencetus idea Parti Perikatan
- 3 Berkerjasama dengan **UMNO** dan **MIC** untuk mendapat kemerdekaan
- 4 Menteri **kewangan** pertama

Tun V.T. Sambanthan

- 1 Sumbangan dalam menuntut **kemerdekaan**
- 2 Presiden **MIC**
- 3 Menyokong sepenuh dasar kerjasama kaum sebagai **tonggak** kemerdekaan negara
- 4 Menyayu **kaum India** memberi kesetiaan tidak berbelah bagi kepada negara

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

Sistem Ahli

Soalan 1 Pada Julai 1950 , bertempat di King's House, telah diadakan satu rundingan antara British dengan wakil penduduk Tanah Melayu yang membawa kepada pembentukan Sistem Ahli

1a) Namakan dua orang tokoh tempatan yang terlibat dalam peristiwa di atas

- F1 Dato'Onn bin Jaafar
- F2 Dato' Dato' Hamzah Abdullah
- F3 Raja Uda
- F4 Dato' Nik Ahmed Kamil
- F5 Dato' E.E.C. Thuraisingam
- F6 Encik Yong Shook Lin
- F7 Dr. Lee Tiang Keng

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

b) Nyatakan negara luar yang dicadangkan menjadi model dalam Sistem Ahli.

- F1 Kenya
- F2 Rhodesia Utara

Mana-mana 1 x 1m (1 markah)

c) Mengapakah British memperkenalkan Sistem Ahli ?

- F1 Mengurangkan tekanan daripada Parti Komunis Malaya
- F2 Selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar dekolonisasi
- F3 Melatih penduduk tempatan dan kaum lain mentadbir Tanah Melayu

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

d) Berikan tiga ciri Sistem Ahli 1951.

- F1 Satu sistem kabinet bayangan
- F2 Terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat
- F3 Anggota Sistem Ahli dikenali sebagai Ahli
- F4 Pelantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu.
- F5 Ahlinya terdiri daripada sembilan orang anggota iaitu lima orang penduduk Tanah Melayu dan empat orang Pegawai Inggeris
- F6 Ahlinya diletak di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British

Mana-mana 3 x 1m (3 markah)

e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan Sistem Ahli ?

- F1 Tapak asas ke arah berkerajaan sendiri
- F2 Model berkerajaan yang berasaskan perkongsian kuasa antara kaum
- F3 Memberi kan pendedahan / latihan kepada pelbagai kaum untuk menimba

- pengalaman dalam pentadbiran moden
- F4 Memulakan proses perpaduan di persekutuan Tanah Melayu
- F5 Proses ke arah mencapai kemerdekaan
- F6 Mengurangkan tekanan PKM

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

Suruhanjaya Reid

Soalan 2 Pernyataan di bawah berkaitan dengan Suruhanjaya Reid.

Suruhanjaya Reid ditubuhkan pada Mac 1956 bagi menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

a) Namakan dua ahli Suruhanjaya Reid.

- F1 Lord Reid
- F2 Sir Ivor Jennings
- F3 Sir Willian Mckell
- F4 Tuan B. Malik
- F5 Tuan Abdul Hamid

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

b) Nyatakan dua persetujuan yang dicapai dalam Suruhanjaya Reid hasil daripada tolak ansur semua kaum.

- F1 Orang Melayu dan Raja-raja Melayu menerima kerakyatan jus soli
- F2 Orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
- F3 Agama Islam sebagai agama rasmi
- F4 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

c) Apakah yang dimaksudkan dengan kedudukan istimewa orang Melayu ?

- F1 Dasar melindungi orang Melayu dan bumiputera
- F2 dalam pendidikan
- F3 dan perniagaan

Mana-mana 1 x 1m (1 markah)

d) Senaraikan tiga isi-isi Perjanjian Persekutuan 1957 yang termaktub dalam perlembagaan merdeka.

- F1 Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan
- F2 Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri

- F3 Pemisahan melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
- F4 Institusi Raja Berpelembagaan pada peringkat negeri dan negara
- F5 Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- F6 Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan
- F7 Tanah Simpanan Melayu dikekalkan
- F8 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- F9 Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi
- F10 Prinsip *jus soli* diterima
- F11 Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara
- F12 Demokrasi berparlimen sebagai pentadbiran negara
- F13 Dewan rakyat dan Dewan Negara diletak di bawah kuasa Parlimen
- F14 Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran peringkat negeri dibantu Dewan Undangan Negeri dan EXCO

Mana-mana 3 x 1m (3 markah)

e) **Apakah nilai yang boleh dicontohi oleh masyarakat daripada kejayaan Suruhanjaya Reid ?**

- F1 Tolak ansur
 - F2 Kompromi
 - F3 Rundungan
 - F4 Kepimpinan berwibawa
- Mana-mana jawapan yang munasabah

(2 markah)

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

Soalan 3 **Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dengan pihak British pada 15 Ogos 1957. Perjanjian ini telah melahirkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.**

a) **Berikan kedudukan perkara berikut dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.**

i. **Hak istimewa orang Melayu**

- F1 Dikekalkan

Mana-mana 1 x 1m (1 markah)

ii. **Agama Islam**

- F2 Menjadi agama rasmi Persekutuan

Mana-mana 1 x 1m (1 markah)

iii. **Bahasa Melayu**

- F3 Menjadi bahasa kebangsaan

Mana-mana 1 x 1m (1 markah)

b) **Senaraikan dua jenis kerakyatan yang diwujudkan.**

- F1 Kuat kuasa undang-undang
- F2 Permohonan
- F3 Naturalisasi

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

c) **Nyatakan kedudukan Raja-Raja Melayu mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.**

- F1 Institusi raja dijadikan Raja Berpelembagaan pada peringkat negeri dan Negara
- F2 Salah seorang daripada Raja-raja Melayu dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong

Mana-mana 1 x 1m (1 markah)

d) **Namakan dua tokoh yang telah berjuang menuntut kemerdekaan Negara**

- F1 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
- F2 Tun Abdul Razak
- F3 Tun H.S. Lee
- F4 Tun V.T. Sambanthan
- F5 Tan Cheng Lock

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

e) **Kemerdekaan negara dikatakan dicapai dengan cara yang unik.
Nyatakan pandangan anda .**

- F1 Dicapai tanpa menumpahkan darah
- F2 Sikap kerjasama antara kaum
- F3 Mengutamakan perundingan yang menjadi pendekatan
- F4 Musyawarah menyelesaikan masalah
- F5 Melalui pakatan murni
- F6 Mengamalkan tolak ansur politik
- F7 Menyatukan kaum
- F8 Diusahakan pemimpin berwibawa
- F9 Melalui kebijaksanaan pemimpin
- F10 Melalui pilihan raya
- F11 Melalui perjanjian dengan British
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Mana-mana 2 x 1m (2 markah)

BAHAGIAN C : SOALAN ESEI

Persekutuan Tanah Melayu telah merdeka dengan rasminya pada 31 Ogos 1957.

1(a) Jelaskan kepentingan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

(7 markah)

	Butiran	Markah
F1	Pembentukan kerajaan demokrasi berpelembagaan/ berparlimen	1
F2	Konsep Raja Berpelembagaan diamalkan	1
F3	Hak mutlak penduduk tempatan untuk mentadbir negara yang merdeka	1
F4	Mentadbir negara yang merdeka mengikut acuan sendiri	1
F5	Pemimpin Melayu dan bukan Melayu menyokong pakatan ini	1
F6	Wujud perpaduan jitu antara kaum di Tanah Melayu	1
F7	Perpaduan kaum akibat perbezaan kebudayaan dan fahaman politik dapat diatasi	1
F8	Menerusi pakatan murni, keharmonian kaum dapat dicapai	1
F9	Tanpa pertumpahan darah	1
F10	Setiap kaum berusaha untuk melahirkan negara dan masyarakat yang merdeka	1
F11	Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan	1
F12	Unsur Kesultanan Melayu digabungkan dengan 9egara birokrasi Barat	1
F13	Rakyat menikmati apa yang dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957	1
F15	Prinsip Perlembagaan Merdeka 1957 adalah penerusan kepada pembinaan 9egara dan bangsa yang kukuh, sistematik dan perundangan	1
F16	Agama Islam sebagai agama rasmi	1
F17	Kedudukan istimewa orang Melayu dipelihara	1
F18	Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan	1
F19	Tanah Simpanan Melayu diteruskan	1
F20	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara	1
F21	Pembentukan antara kuasa pusat dengan negeri	1
F22	Pemisahan antara kuasa pusat dengan negeri	1
F23	Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri dibentuk	1
Mana-mana 7 x 1m		(7 m)

Soalan 1(b)

1(b) Terangkan peranan tokoh-tokoh yang membawa kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

(9 markah)

	Butiran	Markah
F1	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj	1
H1a	Presiden UMNO dan Perikatan	1
H1b	Perdana Menteri yang pertama	1
H1c	Mengendalikan pakatan murni antara kaum	1
H1d	Mencapai kemerdekaan secara harmoni	1
H1e	Digelar Bapa Kemerdekaan	1

F2	Tun Abdul Razak	1
H2a	Timbalan Presiden UMNO	1
H2b	Timbalan Perdana Menteri	1
H2c	Menjadi perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London (1956)	1
H2d	Menjadi perunding menyiapkan perlembagaan merdeka	1
H2e	Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956	1
H2f	Perdana Menteri Malaysia kedua	1
F3	Tun H.S.Lee	1
H3a	Tokoh MCA yang memulakan kerjasama kaum	1
H3b	Mencetuskan idea penubuhan Parti Perikatan	1
H3c	Menjadi Menteri Kewangan Tanah Melayu yang pertama	1
H3d	Bekerjasama dengan UMNO dan MIC untuk mendapatkan kemerdekaan negara	1
F4	Tan Cheng Lock	1
H4a	Presiden MCA yang pertama	1
H4b	Menyokong Tunku Abdul Rahman mendapat kemerdekaan negara	1
H4c	Menjadi Presiden Dewan Perniagaan Cina Malaya	1
F5	Tun V.T. Sambanthan	1
H5a	Presiden MIC	1
H5b	Bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan	1
H5c	Menyokong dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara	1
H5d	Menyeru kaum India setia kepada Tanah Melayu	1
Mana-mana 9 x 1m		(9 m)

Soalan 1(c)

1(c) **Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda dapat meletakkan Malaysia di persada dunia ?**

(4 markah)

Butiran		Markah
F1	Berpendidikan tinggi	1
F2	Berkemahiran tinggi	1
F3	Menguasai ICT	1
F4	Mereka cipta dan berinovasi	1
F5	Melibatkan diri dalam sukan	1
F6	Bersatu padu	1
F7	Menjaga kebersihan	1
F8	Mematuhi undang-undang	1
F9	Menjaga keamanan	1
F10	Menghormati pemimpin	1
(Mana-mana yang munasabah)		
Mana-mana 4 x 1m		(4 m)

BAHAGIAN D : SOALAN OBJEKTIF

- 1 Apakah kepentingan Sistem Ahli yang diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951 ?
- A Mengukuhkan kuasa penjajah
 - B Memelihara hak penduduk pribumi
 - C Melatih pemimpin dalam pentadbiran**
 - D Memperaku kuasa pembesar tempatan

JAWAPAN C

- 2 Jadual merujuk kepada keanggotaan Sistem Ahli pada peringkat awal.

Nama Ahli	Portfolio
Dato' Onn Ja'afar	Ahli Dalam Negeri
Dato' E.E.C. Thuraisingam	X

- Apakah X ?
- A Ahli Pelajaran**
 - B Ahli Ekonomi
 - C Ahli Kesihatan
 - D Ahli Pertanian

JAWAPAN A


- 3 Apakah ciri-ciri penting dalam pakatan murni ?
- I Bertimbang rasa
 - II Rundingan
 - III Kerjasama
 - IV Ketrampilan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III**
 - D III dan IV

JAWAPAN C

- 4 Mengapakah Dato' Onn Ja'afar mencadangkan pembukaan kkeahlian UMNO kepada bukan Melayu ?
- A Membentuk kerjasama politik**
 - B Menubuhkan kerajaan baru
 - C Memperkukuh UMNO
 - D Mendapat pengiktirafan British

JAWAPAN A

- 5 Rajah menunjukkan perkara yang dipersetujui dalam perundingan UMNO-CLC.



Apakah X ?

- A Menamatkan darurat
- B Mengadakan pilihan raya**
- C Membentuk Parti Perikatan
- D Merundingkan kemerdekaan

JAWAPAN B

- 6 Jadual menunjukkan keputusan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.


Parti	Bilangan Kerusi Yang Dimenangi
Perikatan	51
PAS	1

Apakah manifesto Parti Perikatan sehingga membawa kepada kemenangan tersebut ?

- A Peningkatan taraf kesihatan penduduk
- B Pengkalan sistem pentadbiran Barat
- C Peluang pekerjaan kepada rakyat
- D Perjuangan kemerdekaan tanah air**

JAWAPAN D

- 7 Apakah tujuan rombongan berikut ke London pada bulan Februari 1956 ?



- A Memupuk perpaduan
- B Menuntut kemerdekaan**
- C Melicinkan pentadbiran pusat
- D Menghapuskan pengaruh komunis

JAWAPAN B

8 Suruhanjaya Reid dibentuk di Tanah Melayu pada tahun 1956 sebagai persediaan kemerdekaan.

Apakah tugas suruhanjaya tersebut ?

- A Menganjurkan rundingan antara kaum
- B Melantik pegawai pentadbiran baru
- C Mencadangkan tarikh pilihan raya
- D Merangka perlembagaan**

JAWAPAN D

9 *Jus soli* ialah prinsip kerakyatan berdasarkan kelahiran seseorang di sesuatu tempat. Mengapakah prinsip ini menjadi isu hangat ?

- A Menyekat kemasukan orang asing
- B Melemahkan kedudukan orang Melayu**
- C Bantahan daripada kaum Cina dan India
- D Pihak British tidak bersetuju dengan prinsip tersebut

JAWAPAN B

10 Apakah makna kerakyatan secara naturalisasi ?

- A Kerakyatan yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong
- B Kerakyatan yang diberikan oleh Majlis Raja-Raja
- C Kerakyatan yang diberikan kepada anak orang asing yang dilahirkan di Malaysia
- D Kerakyatan yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada mereka yang dianggap berjasa kepada Persekutuan Tanah Melayu**

JAWAPAN D